

13/01/1997

NGO mahu Akta Pertubuhan disemak kembali

KUALA LUMPUR, Ahad - Pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) hari ini meminta kerajaan menyemak kembali Akta Pertubuhan supaya semua NGO yang ada beroperasi di negara ini dapat menjadi pelengkap peranan kerajaan.

Mereka mendakwa mungkin ada sebahagian NGO diperalat badan antarabangsa tertentu, walaupun kebanyakan mereka ikhlas meniupkan semangat keadilan dalam masyarakat.

Naib Presiden Pemadam, Datuk Lee Lam Thye meminta semua pemimpin NGO menunjukkan semangat patriotik dengan memperjuangkan kebenaran supaya masyarakat dapat menaruh kepercayaan kepada badan terbabit.

Menurutnya, antara sebab sesetengah NGO mendaftarkan diri dengan Pendaftar Syarikat dan tidak dengan Pendaftar Pertubuhan kerana urusannya lebih mudah.

"Kerajaan sepatutnya menilai kembali Akta Pertubuhan bagi membolehkan akta itu dapat membantu pembentukan NGO berwibawa dalam negara ini dan bukan pembawa masalah kepada NGO," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam yang menyatakan ada sesetengah NGO menjadi pendesak masyarakat dan memburuk-burukkan kerajaan.

Perdana Menteri mahu semua NGO di negara ini berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan dan tidak berselindung di sebalik nama syarikat yang diluluskan Pendaftar Syarikat.

Seorang aktivis NGO terkenal, Fan Yew Ting pula meminta sesetengah pihak yang tidak berpuas hati dengan NGO atau mendakwa NGO menyeleweng, kemukakan bukti di mahkamah.

"Semua orang boleh menuduh itu dan ini, tetapi apa yang benar mesti dibuktikan benar dalam forum yang adil," katanya.

(END)